

# Jambatan konkrit RM2.5j rentangi Sungai Lipis dibina

Oleh ALI MAHMOOD

RAUB 24 Jan. — Kesukaran lebih 1,500 penduduk di 20 kampung di Mukim Semantan yang terpaksa menggunakan jambatan gantung sejak 40 tahun lalu akan berakhir tidak lama lagi apabila sebuah jambatan konkrit bernilai RM2.5 juta dibina merentangi Sungai Lipis.

Beberapa penduduk kampung yang ditemui melahirkan rasa gembira dengan pembinaan jambatan itu yang memudahkan urusan harian mereka untuk membawa keluar hasil pertanian dan membolehkan pelajar berulang-alik ke sekolah.

Menurut mereka, jika jambatan itu tidak dibina, mungkin semakin ramai penduduk kampung termasuk Kampung Sengkela, Pancur, Gesing, Tanjong Manis, Seman-

tan, Kuala Dong dan Kundang Patah berhijrah ke kawasan lain.

Menurut Ketua Kampung Sengkela, **Mustapa Kamil Mohamed**, 52, pembinaan jambatan konkrit itu bukan sahaja memudahkan urusan harian mereka tetapi akan menghidupkan semula kampung-kampung di sekitarnya.

Katanya, ramai penduduk yang telah berpindah ke kawasan lain berhasrat untuk balik semula ke kampung itu apabila mengetahui jambatan konkrit akan dibina bagi menggantikan jambatan gantung sedia ada.

“Kita mahu jambatan baru kerana jambatan gantung yang ada sekarang tidak dapat digunakan untuk membawa keluar hasil pertanian seperti getah, kelapa sawit dan hasil buah-buah pekebun-pekebun kecil.

“Jambatan gantung ini sudah empat kali diperbaiki dan hanya boleh dilalui oleh

pejalan kaki dan motosikal sahaja,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Baru-baru ini Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semasa melancarkan benih getah baru di Kampung Ria mengumumkan peruntukan Kerajaan Persekutuan sebanyak RM2.5 juta untuk membina jambatan konkrit itu.

Ia adalah bagi menggantikan jambatan gantung sedia ada berukuran 110 meter panjang dan dua meter lebar yang dibina pada tahun 1960-an itu.

Sementara itu, bagi **Khairuddin Mohamed**, 42, jambatan gantung itu sudah tidak sesuai untuk digunakan kerana ia boleh mengancam keselamatan penduduk yang menggunakannya sebagai laluan utama.

“Saya yakin jika ada jambatan konkrit mereka yang sebelum ini bekerja di kilang dengan pendapatan RM800 sebulan akan

pulang ke kampung untuk membangunkan semula tanah-tanah mereka yang boleh memberikan pulangan lebih baik,” katanya.

Secara tidak langsung katanya, hasil pertanian di kawasan tersebut dapat ditingkatkan apabila lebih banyak tanah-tanah terbiar dibangunkan semula.

Seorang suri rumah, **Shamsiah Zakaria**, 46, melahirkan rasa gembira apabila kerajaan akhirnya dapat menyelesaikan masalah yang dialami penduduk sejak 40 tahun lalu.

“Dengan adanya jambatan konkrit tersebut, kerja-kerja harian dapat berjalan dengan lancar dan kami tidak lagi bimbang mengenai keselamatan anak-anak yang sering menyeberang jambatan gantung untuk ke sekolah.

“Bagaimanapun saya berharap jambatan gantung ini dapat dikekalkan sebagai satu tarikan pelancongan dan juga nostalgia kepada penduduk di sini,” katanya.